

# DARI SEBULAN KE SEBULAN

Perkara yang menjadi sangat ribut pada bulan ini ialah tentang tuduhan-tuduhan yang dihadapkan oleh pihak UMNO kepada Doktor Burhānuddīn- “Doktor perkakas British, Doktor alat penjajah dan Doktor hendak memecahbelahkan UMNO!” Bagi orang-orang yang cukup mengenal peribadi Doktor Burhānuddīn hanya tersenyum sahaja menerima tuduhan-tuduhan itu kerana boleh dikata hampir seluruh Tanah Melayu tahu ketulusan dan keikhlasan Doktor Burhānuddīn sebagai pemimpin rakyat dengan tidak boleh dipatahkan oleh sesiapa jua pun. Walau bagaimana tuduhan itu didatangkan namun rakyat tahu yang mana manikam!

\* \* \*

Sesudah memutar perkara-perkara “yang terlanjur” yang dilancarkan oleh suara rasminya, pemimpin-pemimpin UMNO kemudiannya mencuba mengalihkan arah fikiran rakyat terhadap tuduhan atas Doktor itu dengan mengatakan bahawa perjuangan UMNO sekarang adalah sebagai kelanjutan daripada perjuangan PKMM atau Malay Nationalist Party, berbaik-baik dengan orang Cina.

Sekali lagi orang-orang yang mengikuti perjuangan PKMM tersenyum dan sebahagiannya harus “tergelek-gelek” kerana sudah terang perjuangan itu jauh benar bezanya.

Tertubuhnya Putera – A.M.C.G.A yang dianjurkan oleh PKMM itu sungguhpun pada zahirnya berbaik-baik dengan anak-anak dagang tetapi ia ada mempunyai satu cartara (piagam yang mengandungi sepuluh fasal yang mengikat anak-anak dagang itu daripada bergerak- atau daripada duduk sama rata dengan orang-orang Melayu- bangsa yang ditaja oleh “Putera” ialah bangsa Melayu, dan anak-anak dagang itu

telah pun menyetujui yang demikian itu. Tetapi apakah corak dan piagam yang dibuat di antara perikatan UMNO-M.C. A. itu? Inilah sekarang orang tertanya-tanya-kerana sekarang nampaknya anak-anak dagang dalam ikatan itu tidak lagi bekerja sebagai penyokong pergerakan bangsa Melayu tetapi keadaannya sama taraf dan mereka dengan terang telah menghendaki supaya Malayan itu sebagai satu bangsa.

\*

Rancangan atau tujuan bangsa yang dikehendaki oleh mendiang Parti Kebangsaan Melayu dahulu- sekarang ini telah hidup semula dengan adanya Kongres Pemuda yang menimbulkan Barisan Kebangsaan Melayu semasa kehendak-kehendak yang demikian itu telah meliputi- dikecualikan adanya perasaan sebahagian daripada orang-orang Melayu di dalam UMNO. Orang-orang di dalam UMNO ini pun telah berbelah-belah pula keadaannya.

Di dalam memorandum yang dikeluarkan oleh UMNO oleh mereka ialah bangsa Melayu sebagaimana yang ditaja oleh Parti Kebangsaan Melayu dahulu.

Banyak lagi riak-riak yang serupa itu telah keluar yang menunjukkan bahawa pengikut-pengikut UMNO itu telah menyedari bahayanya berikat dengan anak-anak dagang masa sekarang. Adakah keinsafan yang serupa ini dikatakan satu acuman daripada orang-orang di luar UMNO supaya berpecah? Jawabnya terpulang kepada masing-masing untuk memikirkannya kerana yang benar itu walau bagaimanapun ia akan sentiasa terserlah.

\* \* \*

Melihat kepada keadaan dan corak pengikut-pengikut UMNO menemui kebenaran yang sedang bersinar pegawai-pegawai penerangan UMNO nampaknya telah payah menghadapi pengikut-pengikutnya yang sedang mencemburui perikatan mereka dengan M.C.A yang ditaja oleh pemimpin-pemimpin UMNO. Menurut berita-berita akhbar bahawa jelas sekiranya pemimpin UMNO tidak menyampaikan hajat orang M.C.A maka M.C.A. akan menarik balik pengakuannya untuk memberikan perbelanjaan-perbelanjaan di dalam pilihan raya yang akan datang. Dengan pengertian ini, jika benar, adalah terang bahawa M.C.A ini nampaknya di dalam perikatan itu telah “membeli” kerusi-kerusi yang direbutkan di dalam pilihan raya kelak. Jadi untuk membelanjai pilihan raya harus tidaklah jadi keberatan kepada UMNO untuk memberikan sebahagian besar kerusi-kerusinya asalkan sahaja perbelanjaan untuk merebutnya didapati daripada anak-anak dagang yang di dalam M.C.A itu. Apakah perasaan orang-orang Melayu di dalam UMNO tentang hal ini?

\* \* \*

Dengan adanya kesedaran sebahagian besar ahli-ahli UMNO inilah pegawai-pegawai penerangannya menemui jalan buntu. Di dalam ucapan-ucapannya kepada rakyat khususnya untuk pilihan raya, tidak lagi diberi penerangan-penerangan yang sepatutnya diberi tetapi telah jadi sebaliknya. Menuduh sana menuduh sini- Si Fulan perkakas British, plan perkakas penjajah dan seterusnya. Malangnya tuduhan-tuduhan itu begitu sahaja dengan tidak memberi keterangan-keterangan walau sedikit pun. Jadinya tuduhan itu didatangkan hanya sebagai tuduhan buta sahaja -sehingga dengan kerana itu ada penulis-penulis di dalam akhbar yang mengesalkan perbuatan pegawai-pegawai penerangan UMNO yang digaji itu kerjanya hanya mencaci sahaja tetapi tidak memberi keterangan walau sedikit pun. Apakah kesan atas yang demikian ini? Jawabnya wang rakyat digunakan bukan pada tempatnya atau tidak munasabah dengan pekerjaannya.

\* \* \*

Yang demikian tidak sampai di situ sahaja. Menurut siaran Utusan Melayu, Tuan al-Bar, pegawai penerangan UMNO, dikatakan telah menyatakan bahawa “Sesiapa menentang Perikatan adalah menentang Tuhan”. Seorang kenalan yang membawa perhatian tentang ini sesudah menyebut perkataan itu hanya berkata *Mashā'Allāh!* Ia menyatakan bahawa ia tidak berupaya mengatakan pendapatannya di dalam perkara itu selain daripada mengatakan Masyaa'llah sahaja. Adakah setaraf undang-undang Perikatan itu dengan undang-undang Tuhan-ia bertanya.

Perkara yang demikian ini, jika benar, adalah menunjukkan habis sepah terbitlah senam. Ayat-ayat Tuhan dibawa hanya yang mengenai kehendak dan tujuan sendiri tetapi amaran-amaran Tuhan di atasnya dilupakan langsung. Sebab-sebabnya sudah tentu diketahui oleh masing-masing.\* \* \*

Dengan hasrat yang penuh barangkali juga disebabkan oleh sesuai dengan kehendak jiwa pemuda yang cenderung kepada agamanya, pemuda Jam'iyah telah berjaya ditubuhkan pada 9 haribulan Jun yang lalu iaitu sesudah 101 jam daripada mula ditaja. Semua undang-undangannya telah disiapkan dalam masa yang tersebut. Melihat kepada semangat yang demikian ini diharap benar jiwa pemuda yang “dinamis” itu akan terus digalakkan oleh mereka yang lebih tua- supaya semangat mereka disalurkan kepada suatu keadaan dan cara yang bersesuaian dengan kehendak-kehendak agama.

Sedikit masa yang lalu pemuda-pemuda Cina telah mengadakan rusuhan-rusuhan kerana menyokong gerak langkah pemogokan bebas. Beberapa orang telah jadi korban. Kejadian-kejadian itu dipercayai ramai tentulah ada latar belakangnya. Sesudah reda kejadian itu diadakan penangkapan-penangkapan kepada mereka yang disyak berkaitan di atas kemalangan-kemalangan yang berlaku tetapi sepanjang yang diketahui tidak ada kuatkuasa yang digunakan kerana menahan orang-orang yang jadi latar belakang kejadian

(sambungan pada muka 39)